

MAHATHIR-MAJECA  
DARI ANNE KOH

1978

TOKYO, 30 OKT. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, MALAYSIA INGIN MENCONTOHI DAYAUSAHA DAN DEDIKASI ORANG-ORANG JEPUN SERTA BAGAIMANA NEGARA JEPUN MEMBANGUNKAN EKONOMINYA UNTUK MENJADIKANNYA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN DAN PERTANIAN YANG DINAMIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, RAKYAT MALAYSIA INGIN MEMPELAJARI DARI JEPUN DAN RAKYATNYA TENTANG KEMAHIRAN TEKNIK, KEMAHIRAN PENGURUSAN DAN KEPAKARAN PEMASARAN UNTUK MENCAPAI TUJUAN INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN YANG MENGETUAI ROMBONGAN PENGGALAKAN PELABURAN KE JEPUN TELAH BERUCAP DI PEMBUKAAN PERSIDANGAN BERSAMA TAHUNAN PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA - JEPUN (MAJECA) DAN PERSATUAN EKONOMI JEPUN-MALAYSIA (JAMECA) DI DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BINAAN TOKYO DI SINI.

KATANYA, JEPUN ADALAH MERUPAKAN SATU SIMBOL BAGI KESUNGGUHAN KERJA DAN DEDIKASI TERHADAP NEGARA YANG BOLEH DIKATAKAN TIDAK MEMPUNYAI SUMBER-SUMBERNYA SENDIRI. 51

SEBALIKNYA, MALAYSIA PULA BERAZAM UNTUK MENJADI SEBUAH NEGARA CONTOH SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN YANG MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI DAN EKONOMI BEBAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP MAJECA DAN JAMECA AKAN MEMBERI TEKANAN YANG LEBIH BESAR TERHADAP SOAL PENGGALAKAN PELABURAN BAGI MENGADAKAN PROJEK-PROJEK USAHASAMA DI MALAYSIA YANG BOLEH MENDATANGKAN FAEDAH BERSAMA. — BERSAMBUNG 1502/A1

MAHATHIR-MAJECA 2 TOKYO

KATANYA, PENUBUHAN PERBADANAN-PERBADANAN USAHASAMA AKAN DENGAN SENDIRINYA MEMBAWA KEPADA PENINGKATAN PERDAGANGAN, HUBUNGAN SOSIAL DAN KERJASAMA EKONOMI ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

KATANYA, KERAJAAN MALAYSIA BERHARAP SEKTOR SWASTA SAMA ADA DARI LUAR ATAU DALAM NEGERI AKAN DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG DINAMIK DALAM USAHA-USAHA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PERINDUSTRIAN NEGARA.

BELIAU BERKATA, +DALAM SEGI INI, KAMI MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN, PELABUR DAN PEMINJAM WANG JEPUN UNTUK BERSAMA-SAMA KAMI DALAM USAHA KAMI MEWUJUDKAN SEKTORZ-SEKTORZ PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN YANG MODEN DAN DINAMIK DI MALAYSIA.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA, SUNGGUHPUN MALAYSIA DIANGGAP SEBAGAI MEMPUNYAI EKONOMI YANG BERASASKAN SUMBER-SUMBERNYA IA BERHARAP MENJELANG TAHUN 1990, SEKTOR PEKILANGAN AKAN DAPAT MEMBERI SUMBANGAN YANG TERBESAR KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDK).

DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA YANG ADA SEKARANG INI, KIRA-KIRA \$10,000 JUTA DIJANGKA AKAN DILABURKAN OLEH SEKTOR SWASTA DALAM PERUSAHAAN PEKILANGAN.

KIRA-KIRA \$3,000 JUTA DARIPADA JUMLAH ITU ADALAH DIJANGKA DALAM BENTUK PELABURAN SWASTA ASING.

BELIAU BERKATA, JEPUN SEKARANG INI ADALAH MERUPAKAN SATU KUASA EKONOMI YANG TERBESAR DI DUNIA.

BAGAIMANAPUN TAMBAHNYA, JEPUN TIDAK BERGITA-CITA UNTUK MENJADI +IMPERIALIS EKONOMI.+ — BERSAMBUNG 1530/SZ

### MAHATHIR-MAJECA 3 TOKYO

SEBALIKNYA, TAMBAHNYA, JEPUN DAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN TELAH MEMILIH UNTUK BEKERJASAMA DAN SAMA-SAMA MENIKMATI FEADAH DARIPADA USAHA YANG TELAH BERJALAN BERTAHUN-TAHUN DENGAN NEGARA-NEGARA SEPerti MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP JEPUN AKAN MELIBERALKAN IMPORT-IMPORTNYA DARI MALAYSIA.

MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ANTARABANGSA JEPUN, ENCIK TOSHIO KOHMOTO BERKATA, DALAM MESYUARAT PERTAMA MAJECA-JAMECA TAHUN LALU, KEPUTUSAN-KEPUTUSAN TELAH DIBUAT MENGENAI MATLAMAT BERSAMA KERJASAMA DI BIDANG PERDAGANGAN, PELABURAN DAN TEKNOLOGI.

BELIAU BERHARAP TAHUN INI PERTUKARAN PENDAPAT MENGENAI MSSALAH MASALAH KEPENTINGAN BERSAMA SEPerti PENGGALAKAN PERDAGANGAN DAN PERLABURAN AKAN MENELURKAN KEPUTUSAN YANG KONKRIT.

BELIAU BERKATA, HUBUNGAN EKONOMI ANTARA JEPUN DENGAN MALAYSIA TELAH BERKEMBANG DENGAN LICIN DAN JUMLAH PERDAGANGAN DALAM TEMPOH LIMA TAHUN YANG LALU TELAH MENINGKAT SEBANYAK 3.7 KALI GANDA.

KATANYA, PERDAGANGAN DALAM TEMPOH SETENGAH TAHUN YANG PERTAMA  
MAHATHIR-MAJECA 4 TOKYO

YANG DIPERTUA MAJECA, RAJA TAN SRI MOHAR BIN RAJA BADIOZAMAN BERKATA, MALAYSIA SEDANG MENGGALAKKAN PEMAJUAN PERINDUSTRIAN SEDERHANA DAN KECIL DALAM MEMPERBAGAIKAN RANCANGAN PEMBANGUNANNYA.

BELIAU BERHARAP BAKAL-BAKAL PELABUR JEPUN DAN MALAYSIA TIDAK AKAN MENGENEPIKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN TERSEBUT.

RAJA TAN SRI MOHAR BERHARAP JEPUN AKAN MENYEGERAKAN PELAKSANAAN-BAGI MENUBUHKAN SEKIM MENSTABILKAN PENDAPATAN EKSPORT (STABEX) BAGI BAHAN-BAHAN UTAMA.

KATANYA, INI ADALAH KERANA ISU-ISU MENGENAI PENSTABILAN HARGA BAHAN-BAHAN UTAMA DAN Mencari PASARAN DI SEBERANGLAUT BAGI BARANGAN PEKILANGAN ADALAH SANGAT PENTING KEPADA MALAYSIA.

BELIAU BERKATA, DALAM BULAN APRIL TAHUN INI, SATU PERJANJIAN TELAH TERCAPAI UNTUK MEMBERIKAN POTONGAN TARIF KHAS DI BAWAH SISTEM KEISTIMEWAAN AM JEPUN KEPADA BARANGAN ASEAN DARI BERBAGAI NEGARA ASAL.

BAGAIMANAPUN TAMBAHNYA, MALAYSIA BERPENDAPAT KEISTIMEWAAN YANGR DIBERIKAN OLEH JEPUN ITU TIDAKLAH MEMADAI.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG DUA MASALAH BESAR YANG DIHADAPI OLEH PENGUSAHA-PENGUSAHA MALAYSIA SEKARANG INI. -- BERSAMBUNG  
OMAHATHIR-MAJECA 5 TOKYO

MASALAH-MASALAH TERSEBUT JALAH KENAIKAN NILAI MATAWANG YEN BERBANDING DENGAN MATAWANG UTMA ADI DUNIA INI DAN TERUS MEROSOTNYA DALAM AKUAN PERKHIDMATAN TERUTAMANYA MENGENAI TAMBANG KAPAL DAN INSURAN ANTARA JEPUN DENGAN MALAYSIA.

ANTARA BULAN JANUARI DENGAN OKTOBER TAHUN INI, RINGGIT MALAYSIA TELAH TURUN NILAINYA BERBANDING DENGAN YEN KIRA-KIRA 23 PERATUS DAN INI ADALAH MEMBEBAKANN MALAYSIA.

BELIAU BERHARAP PERSIDANGAN INI AKAN DAPAT MENIMBANGKAN MASALAH INI DAN MENJADIKANNYA SATU PERKARA UTAMA DAN MENCADANGKAN LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGURANGKAN TEKanan BEBAN AKIBAT DARI KENAIKAN NILAI MATAWANG YEN ITU.

YANG DIPERTUA JAMECA, DR. SHIGEO NAGANO YANG JUGA YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN JEPUN BERKATA, KEMUNGKINAN KERJASAMA DUA HALA SANGATLAH MENGGALAKKAN.

KATANYA, JEPUN BERSEDIA UNTUK MEMBERIKAN KERJASAMANYA TERHADAP MENJAYAKAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA. --, BERNAMA 1637/1B